



# MEMUPUK KEHARMONIAN

*Adik-Beradik*

**T**AHUKAH ANDA PADA 10 APRIL SETIAP TAHUN, BEBERAPA NEGARA DI DUNIA TELAH MERAIKAN HARI ADIK-BERADIK? SAYA JUGA TIDAK TAHU MENGENAI HAL INI SEHINGGALAH ANAK-ANAK SAYA MERANCANG UNTUK MENYAMBUTNYA DENGAN SATU AKTIVITI YANG MEMBUAT SAYA TERUJA. MEREKA TELAH MEMILIH SEKEPING FOTO LAMA YANG DIAMBIL SEWAKTU ANAK BONGSU SAYA, ADAM, BARU BERUSAHA SATU HARI. ABANG DAN DUA ORANG LAGI KAKAKNYA BERBARING MENGELILINGI ADAM PADA MASA ITU.

Setelah 10 tahun berlalu, mereka merakam semula aksi seperti di dalam foto tersebut dan meletakkan kedua-dua gambar tersebut sebelah menyebelah untuk dibandingkan. Hasilnya, tilam yang sama, bantal yang sama dan gaya yang sama tapi pada usia berbeza. Tiada kata-kata yang dapat menggambarkan betapa saya menyukai kedua-dua gambar tersebut.

Apa yang lebih penting, saya sentiasa berdoa agar kasih sayang di antara mereka sentiasa kuat. Melihat anak-anak boleh bergaul mesra dengan baik sesama mereka adalah sesuatu yang amat melegakan bagi ibu bapa. Sudah pasti, mereka tidak sepanjang masa dalam keadaan harmoni begini. Ada kalanya tercetus pergaduhan kecil dan besar di antara mereka. Namun, saya tetap bersyukur dengan perkembangan hubungan persaudaraan mereka sejak kecil sehinggalah sekarang kesemuanya sudah menginjak ke alam remaja.

## PERSAINGAN DI ANTARA ADIK-BERADIK

Keharmonian dalam keluarga tidak berlaku dengan sendirinya atau secara magis. Satu faktor yang sering kita terlepas pandang iaitu persaingan antara adik beradik memainkan peranan besar dalam memupuk keharmonian di dalam keluarga. Ironinya, mereka akan bersaing untuk semua perkara seperti makanan, pakaian dan sudah tentu barang permainan. Hal ini lebih ketara jika adik-beradik itu mempunyai jarak umur yang dekat. Keadaan juga akan lebih buruk sekiranya layanan ibu bapa itu sendiri tidak sama pada setiap anak. Jangan lupa, anak-anak kecil juga mempunyai perasaan cemburu, iri hati dan emosi negatif yang lain untuk dizahirkan akibat persaingan ini.

Kebiasaannya, persaingan ini akan berkurangan apabila mereka semakin dewasa. Tetapi sebelum melepasi fasa ini, bermacam-macam ragam perlu dihadapi dengan sabar dan harus diatasi dengan bijak. Namun, tidak mustahil persaingan ini akan berterusan walaupun mereka sudah dewasa. Mungkin ia tidak lagi bertumpu kepada perkara remeh seperti perebutan permainan tetapi cenderung kepada perkara yang lebih serius seperti perebutan harta pusaka.

Tidak syak lagi bahawa memupuk keharmonian dalam kalangan anak-anak adalah satu strategi yang baik untuk mereka yang inginkan kehidupan yang aman dan bahagia bukan sahaja di dunia malah di akhirat kelak. Ia memerlukan kerja keras dan usaha yang cekal dan hasilnya nanti adalah sesuatu yang amat bermilai. Tiada lagi pergaduhan yang berlaku di dalam rumah dan hati ibu bapa pasti sering kali tersentuh apabila melihat anak-anak saling berkasih sayang dan bergembira bersama.

Setelah sehanian keluar bekerja sudah tentu kita tidak mahu diganggu dengan sebarang konflik apabila pulang ke rumah. Adalah satu rahmat yang besar jika anak-anak dapat bermain dengan baik sesama mereka dan keadaan sentiasa tenang

pada kebanyakan masa. Perkara ini juga merupakan hadiah paling mahal yang diterima oleh ibu bapa dalam kehidupan berkeluarga.

## LAKUKAN AKTIVITI BERSAMA

Jadi, bagaimana caranya untuk kita mewujudkan suasana harmoni ini? Berdasarkan pengalaman saya, melatih mereka melakukan aktiviti bersama-sama adalah satu langkah yang baik dalam mencapai objektif ini. Mulakan dengan perkara yang ringkas seperti sewaktu makan bersama. Pastikan kita berlaku adil kepada mereka. Jika salah seorang perlu melakukan kerja rumah, anak-anak yang lain juga perlu diberikan tugasan untuk dilakukan. Jangan biarkan ada sedikit ruang pun untuk mereka melakukan perbandingan. Contohnya, jika anak-anak perempuan disuruh untuk melakukan persiapan untuk makan malam, anak-anak lelaki pula perlu disuruh untuk mengemas meja selepas makan. Jangan berharap yang mereka akan melakukannya dengan gembira tapi sekurang-kurangnya mereka tidak berasa dilayan dengan berat sebelah.

Berlaku adil adalah kuncinya. Namun kita harus jelas bahawa adil tidak semestinya sama rata. Saya juga melalui keperitan untuk menerangkan kepada anak-anak mengenai konsep keadilan ini sehinggalah saya yakin yang mereka sudah boleh memahaminya. Contoh yang sering saya gunakan ialah lelaki lebih sesuai diberikan tugasan yang melibatkan kekuatan fizikal manakala perempuan lebih sesuai melakukan tugasan yang memerlukan ketelitian dan kekemasan. Pada ketika tertentu, anak yang tua perlu mengalah kepada yang lebih kecil. Terangkan pada mereka yang si adik masih belum boleh berfikir dengan baik berbanding dirinya yang sudah boleh bertindak dengan rasional. Apa yang penting, terangkan sebaiknya tindakan yang kita lakukan agar mereka faham. Kemudian dengar juga maklum balas dari mereka sama ada secara lisan atau melalui bahasa tubuh dan mimik muka mereka. Selagi mereka berasa didengar dan dilayan dengan adil, risiko untuk persaingan sesama mereka berlaku adalah lebih kecil.

Selepas melihat foto lama dan yang baru mereka ambil itu, anak-anak saya semakin teruja untuk melakukannya lagi. Mereka mula membelek album gambar bersama-sama, satu pemandangan yang sukar kita lihat kini. Beberapa foto yang dirasakan unik telah dipilih untuk dirakam semula. Salah satunya ialah foto isteri saya sedang meniba anak sulung kami. Agak menarik untuk saya lihat bagaimana mereka akan melakukannya semula memandangkan anak sulung saya kini sudah berusia 19 tahun dan sudah tentu beratnya tidak seperti dulu lagi.

Akhirnya semua foto yang dipilih berjaya dirakam semula dalam suasana yang gembira. Saya amat menggalakkan semua keluarga melakukan aktiviti ini. percavalah, anda pasti akan tersenyum sendiri apabila melihat hasilnya nanti.